

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1990/91

Mac/April 1991

JSD 112 - Pengantar Pengajian Pembangunan

Masa : [3 jam]

Jawab soalan nombor 1 (SOALAN WAJIB) dan mana-mana DUA
(2) soalan lain.

1. Tuliskan nota ringkas tentang LIMA (5) perkara berikut:-

- | | | |
|-----|---|-------------|
| (a) | "Kesan titisan ke bawah". | (8 markah) |
| (b) | Petanda-petanda (penunjuk-penunjuk) kemiskinan. | (8 markah) |
| (c) | Pengertian Kemunduran. | (8 markah) |
| (d) | Dasar-dasar imperialisma Utara. | (8 markah) |
| (e) | Pendekatan pergantungan. | (8 markah) |
| (f) | Pertubuhan Club of Rome. | (8 markah) |
| | | (40 markah) |

...2/-

2. Kebanyakan Negara Dunia Ketiga yang baru mencapai kemerdekaan selepas perang dunia kedua tidak mempunyai kedudukan ekonomi yang mantap untuk pembangunan. Kesempatan ini telah di ambil oleh negara-negara maju untuk meneruskan proses "penjajahan" melalui berbagai-bagai strategi pembangunan. Bincangkan strategi-strategi tersebut dan sejauh manakah keberkesanannya.

(30 markah)

3. "Sejak kebelakangan ini, isu kemusnahan alam sekitar dengan cepatnya telah muncul sebagai masalah pembangunan utama di Negara Dunia Ketiga". Bincangkan ketepatan kenyataan ini.

(30 markah)

4. Apakah asal-usul dan asas desakan Negara Dunia Ketiga dalam usaha mengujudkan Susunan Baru Ekonomi Dunia? Jika terlaksana, adakah ia akan mempengaruhi ekonomi negara maju?

(30 markah)

5. "Kemunduran dapat di atasi sekiranya sebahagian daripada perbelanjaan ketenteraan dan persenjataan oleh negara maju disalurkan untuk mengatasi masalah sosial dan ekonomi Negara Dunia Ketiga."

Huraikan ketepatan kenyataan ini.

(30 markah)

6. SAMA ADA

- (a) Sebagai pakar dalam kajian pembangunan, anda telah dijemput untuk memberikan satu ceramah yang bertajuk "pembangunan" di sebuah kawasan pendalaman yang majoriti penduduknya adalah golongan buta huruf. Buatlah satu teks ucapan yang sesuai.

(30 markah)

ATAU

- (b) Tuliskan sebuah esei tentang tajuk berikut :

"Perlaksanaan Rancangan Pembangunan di Malaysia selepas tahun 1971".

(30 markah)

- oooooOoooo -